

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI KOLEJ KOMUNITI KULIM



Panduan lengkap kepada pelajar Kolej Komuniti Kulim khasnya bagi memastikan pelaksanaan Latihan Industri berjalan dengan teratur, mematuhi peraturan, meningkatkan disiplin serta memudahkan proses penilaian dan pemantauan.

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

**PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI
KOLEJ KOMUNITI KULIM**



Terbitan Edisi 2026

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kolej Komuniti Kulim.

Diterbitkan oleh:

Kolej Komuniti Kulim
Jalan Kota Kenari 2
Taman Kota Kenari
09000 Kulim, Kedah.

PRAKATA

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, *e-book* Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Latihan Industri Kolej Komuniti Kulim ini berjaya disediakan sebagai panduan kepada pelajar khususnya dan juga pensyarah penyelia.

Penyediaan SOP ini bertujuan untuk memperincikan tatacara pelaksanaan latihan industri yang sistematik, teratur dan berkesan selaras dengan keperluan kurikulum serta kehendak industri semasa. SOP ini merangkumi garis panduan sebelum, semasa dan selepas latihan industri bagi memastikan pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran yang berkualiti serta memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan.

Adalah diharapkan *e-book* ini dapat membantu pelajar, pensyarah penyelia dan pihak industri dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih jelas, cekap dan profesional. Pematuhan kepada SOP ini juga diyakini mampu meningkatkan disiplin, etika kerja serta kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti Kulim.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan SOP ini. Semoga buku ini dapat memberi manfaat dan menjadi rujukan dalam pengurusan latihan industri di Kolej Komuniti Kulim.

**Unit Kolaborasi Industri & Alumni
Kolej Komuniti Kulim
2026**

ISI KANDUNGAN

Perkara

Muka Surat

PRAKATA

1.0	Pengenalan Latihan Industri	1
2.0	Tujuan Latihan Industri	2
3.0	Objektif Latihan Industri	3
4.0	Pelaksanaan Sebelum Menjalani Latihan Industri	3 – 7
5.0	Pelaksanaan Semasa Menjalani Latihan Industri	8 – 16
6.0	Pelaksanaan Selepas Menjalani Latihan Industri	17
7.0	Penilaian Latihan Industri	18 – 19
8.0	Pemantauan Latihan Industri	20 – 23
9.0	FAQ Latihan Industri	24 – 25

LAMPIRAN	26 – 38
----------	---------

PENUTUP	39
---------	----

RUJUKAN	40
---------	----

PENGHARGAAN	41
-------------	----

1.0 PENGENALAN

Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Latihan Industri (LI) ini berfungsi sebagai panduan lengkap kepada pelajar Kolej Komuniti Kulim khasnya bagi memastikan pelaksanaan latihan berjalan teratur, mematuhi peraturan, meningkatkan disiplin serta memudahkan proses penilaian dan pemantauan. Ia boleh juga dijadikan rujukan pelajar pada bila-bila masa sepanjang latihan industri jika pelajar menghadapi sebarang masalah. Latihan Industri di Kolej Komuniti Kulim dijalankan selama 16 minggu.



Definisi Latihan Industri

Merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia dalam industri yang dipilih, sama ada di luar ataupun di dalam negara, dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan Sijil, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.

2.0 TUJUAN LATIHAN INDUSTRI



Latihan Industri (LI) bertujuan memberikan pendedahan secara praktikal kepada pelajar melalui pengalaman sebenar di alam pekerjaan dengan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan teori yang telah dipelajari sepanjang tempoh pengajian. Melalui penempatan di organisasi atau industri berkaitan, pelajar berpeluang memahami budaya kerja sebenar, prosedur operasi, etika profesional serta cabaran yang dihadapi dalam persekitaran pekerjaan yang kompetitif.

Selain itu, Latihan Industri juga memberi ruang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran teknikal, komunikasi, penyelesaian masalah, kerja berpasukan serta pengurusan masa. Pengalaman ini membantu pelajar menyesuaikan diri dengan kehendak industri, membina keyakinan diri dan mempersiapkan mereka menjadi graduan yang lebih kompeten, berdaya saing serta memenuhi keperluan pasaran kerja semasa.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri merupakan satu platform penting bagi menghubungkan pembelajaran akademik dengan pengalaman profesional agar pelajar dapat memahami realiti dunia pekerjaan, mengenal pasti bidang kerjaya yang sesuai serta membentuk sikap dan nilai kerja yang positif sebelum melangkah ke alam pekerjaan sebenar.

3.0 OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI

1. Mendapat pendedahan kepada alam pekerjaan sebenar.
2. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.
3. Memahami perkaitan di antara pengetahuan yang dipelajari di bilik kuliah dengan amalan praktik di tempat Latihan.
4. Mengukuhkan keyakinan diri dan kemahiran berkomunikasi.
5. Menghayati sifat jujur, amanah, berdisiplin, dan bertanggungjawab.
6. Mengamalkan peraturan keselamatan dan amalan baik di tempat Latihan.
7. Menghayati semangat kerja berpasukan dan perhubungan baik dengan pekerja di tempat Latihan.

4.0 PELAKSANAAN SEBELUM MENJALANI LATIHAN INDUSTRI

1. Syarat kelayakan menjalani Latihan Industri (LI):


- a) Lulus semua kursus yang diambil seperti disyaratkan di dalam struktur program.
- b) Memperolehi HPNM 2.0 ke atas.
- c) Menghadiri Taklimat 1 dan 2.
- d) Dilindungi oleh Insurans kelompok.

2. Dokumen keperluan sebelum menjalani Latihan Industri (LI):

- a) *Resume* pelajar
- b) Surat Permohonan Penempatan LI
- c) Borang Jawapan Penerimaan Latihan Industri (BJPLI)
- d) Borang Cadangan Bidang Tugas
- e) Borang Aku Janji Pelajar
- f) Borang Perakuan Lepas Tanggung (Pelajar dan Ibubapa/Penjaga)
- g) Surat Penempatan LI
- h) Surat Lapor Diri Pelajar

*** Semua dokumen ini boleh dirujuk dengan Pegawai Perhubungan Industri & Alumni (PPIA)

CARTA ALIR PERMOHONAN LI



3. Prosedur Permohonan Tempat LI

Prosedur permohonan penempatan adalah seperti berikut:

- a) Pelajar menghantar Surat Permohonan Penempatan LI kepada industri berkenaan berserta BJPLI, *Resume* dan Borang Cadangan Bidang Tugas.
- b) Pihak industri mengembalikan BJPLI dan Borang Cadangan Bidang Tugas kepada institusi atau pelajar untuk difailkan.
- c) Sekiranya industri bersetuju atau menolak permohonan, PPIA akan memaklumkan kepada pelajar.
- d) Bagi permohonan yang ditolak, pelajar perlu membuat permohonan penempatan yang baharu.
- e) PPIA merekod dan mengemas kini penempatan LI pelajar ke dalam aplikasi sistem (CCMS).
- f) Tempoh permohonan untuk mendapat penempatan LI pelajar adalah tertakluk kepada ketetapan di kolej komuniti masing-masing.

Peringatan sebelum memohon tempat Latihan Industri!!!



Berjumpa dengan PPIA dan minta pandangan untuk tempat yang telah dipohon. Pastikan mohon PPIA semak dahulu *resume* yang telah dibuat. Boleh rujuk juga tempat LI yang terdahulu.



Bawa bersama:

- ✓ Borang maklumat pelajar (*resume*)
- ✓ Surat Permohonan Latihan Industri
- ✓ Borang Jawapan Penempatan Latihan Industri (BJPLI)
- ✓ Borang cadangan Bidang Tugas

KRITERIA PEMILIHAN PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI

➤ KESESUAIAN BIDANG

- Tempat latihan mestilah selari dengan kursus/program.
- Membolehkan pelajar praktik ilmu yang dipelajari.

➤ PELUANG PEMBELAJARAN & KEMAHIRAN

- Syarikat menyediakan tugas sebenar (bukan sekadar fotostat / kerja remeh)
 - Pendedahan kepada kemahiran teknikal & *soft skills*
- Ada peluang untuk belajar berkomunikasi, pengurusan masa dan kerja berpasukan

➤ PENYELIAAN & BIMBINGAN

- Ada penyelia yang berpengalaman dan sudi membimbing dan memberi tunjuk ajar.
- Memberi maklum balas prestasi pelajar.

➤ REPUTASI & KREDIBILITI ORGANISASI

- Syarikat berdaftar dan mempunyai operasi yang jelas serta rekod prestasi yang baik.

➤ KEMUDAHAN & PERSEKITARAN KERJA

- Tempat kerja yang selamat, kondusif dan mempunyai kemudahan asas (komputer dan ruang kerja yang selesa)
- Suasana kerja profesional

➤ LOKASI & AKSES

- Mudah diakses (dekat dengan rumah / pengangkutan awam)
- Mengurangkan kos perjalanan dan risiko lewat

➤ ELAUN / INSENTIF (JIKA ADA)

- Tidak wajib, tetapi menjadi kelebihan jika ada elaun dan disediakan makan / penginapan

➤ PELUANG KERJAYA

- Berpotensi diserap bekerja selepas latihan dan membina *networking* industri.

➤ KESELAMATAN & ETIKA

- Organisasi menjaga keselamatan pelajar dan etika kerja (tiada eksploitasi, diskriminasi)



TARIKH-TARIKH PENTING

SEBELUM KE LATIHAN INDUSTRI (LI)



Semua pelajar yang bakal menjalani
LATIHAN INDUSTRI PERLU ingat dan faham!

- 1** Tarikh akhir pengumpulan dokumen-dokumen penting (Borang BJPLI, surat akujanji dan borang lepas tanggung) kepada PPIA.



- 2** Tarikh untuk mendapatkan surat lapor diri daripada PPIA.



- 3** Pastikan telah menerima Buku Log dan Buku Laporan Akhir.



- 4** Tarikh yang betul dan tepat untuk lapor diri ke tempat Latihan Industri.



- 5** **JANGAN** melapor diri ke tempat LI lebih awal daripada sepatutnya tanpa pengetahuan PPIA.



Jika berlaku sebarang masalah pihak kolej **tidak akan bertanggungjawab.**



Rancang lebih awal, patuhi tarikh yang ditetapkan dan pastikan segala urusan melalui PPIA.

SEMOGA BERJAYA!



5.0 PELAKSANAAN SEMASA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI


1. Melapor Diri di Tempat LI

- a) Pastikan pelajar peka dengan masa yang ditetapkan oleh majikan, mohon tepati masa dan jangan lewat.
- b) Pihak kolej berhak menangguhkan pelajar sekiranya pelajar GAGAL melapor diri di tempat latihan dalam tempoh 7 hari tanpa alasan yang kukuh.
- c) Bawa bersama Surat Lapor Diri/Penempatan dan Buku Log.
- d) Pelajar hendaklah berpakaian kemas dan bersesuaian dengan syarikat.



2. Tanggungjawab Pelajar Semasa di Tempat LI

- a) Pelajar hendaklah menghantar Kad Pengesahan Lapor Diri yang telah disahkan majikan kepada pihak kolej dengan kadar segera dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pelajar melapor diri.



- b) Pelajar perlu memaklumkan segera kepada PPIA sekiranya syarikat penempatan LI telah berubah alamat @ cawangan dan perlu memaklumkan dengan menghantar Kad Makluman Pertukaran Alamat.

3. Pertukaran Tempat LI


- a) Pelajar tidak dibenarkan menukar tempat LI tanpa pengetahuan PPIA dan pihak kolej. Jika didapati pelajar bertindak sedemikian, pelajar akan dikira GAGAL LI.
 - b) Antara kes yang dibenarkan penukaran tempat adalah :
 - c) Syarikat muflis
 - d) Kes berkaitan polis
 - e) Gangguan seksual
 - f) Dibuli rakan sekerja @ majikan
 - g) Bencana alam
 - h) Rusuhan
 - c) Lain-lain masalah yang dialami syarikat
- Penukaran tempat LI perlu mendapat persetujuan daripada pengarah sahaja.

4. Peraturan Am dan Etika Ketika Menjalani LI

- a) Memahami dan melaksanakan semua langkah dan peraturan latihan industri, serta mematuhi segala peraturan Kolej Komuniti
- b) Hendaklah menunjukkan sikap yang baik
- c) Tidak dibenarkan terlibat dengan kegiatan jenayah atau politik sewaktu menjalani latihan industri
- d) Menghubungi pihak Kolej, dan pihak tempat latihan sekiranya mengalami masalah kesihatan.
- e) Menjaga kerahsiaan maklumat dan nama baik kolej komuniti dan industri serta tidak merosakkan atau menyalahgunakan sebarang harta benda kepunyaan industri.
- f) Sentiasa menjaga penampilan diri. Pakaian hendaklah mengikut kesesuaian tempat latihan.
- g) Tidak dibenarkan bermain telefon bimbit semasa waktu bekerja.
- h) Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditentukan oleh industri.

- i) Mematuhi masa berkerja dan kehadiran penuh pada hari-hari berkerja di industri.
- j) Pihak kolej komuniti tidak akan bertanggungjawab atas salah laku pelajar yang menyebabkan kerugian kepada industri dalam bentuk kerosakan, kebakaran, gangguan seksual, pendedahan maklumat rahsia industri, pelakuan jenayah kecurian dan penyalahgunaan dadah.

5. Cuti Ketika LI



Semasa menjalani Latihan Industri, pelajar tidak dibenarkan mengambil cuti kecuali mendapat kelulusan daripada majikan. Sekiranya cuti diluluskan, pelajar perlu mengisi borang cuti yang disediakan dan merekodkannya di dalam Buku Log Latihan Industri. Pelajar yang tidak hadir melebihi 20% daripada keseluruhan tempoh Latihan Industri, termasuk cuti sakit dan cuti kecemasan, akan dianggap tidak memenuhi syarat dan mungkin perlu mengulang Latihan Industri. Selain itu, pelajar yang bercuti tanpa kebenaran majikan boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peraturan yang ditetapkan. Oleh itu, setiap pelajar hendaklah mematuhi prosedur cuti dan memastikan kehadiran yang baik sepanjang tempoh Latihan Industri.

6. Perlindungan Diri / Insuran


Semua pelajar yang menjalani Latihan Industri masih dilindungi insurans kelompok. Pelajar diingatkan melaporkan kepada PPIA atau Unit Pembangunan Pelajar (UPP) jika berlaku sebarang kemalangan.



7. Penulisan Buku Log LI


- a) Pelajar mestilah membawa Buku Log LI setiap hari untuk mencatatkan segala aktiviti yang dilakukan di tempat kerja.
- b) Rekod kehadiran atau kedatangan harus di isi SETIAP HARI, dan ditandatangani serta cop penyelia bagi SETIAP MINGGU.
- c) Pada minggu terakhir Latihan Industri, perlu isikan jumlah kehadiran semasa LI, dan cop majikan.
- d) Semua maklumat yang diperlukan bagi hari latihan industri tersebut seperti tarikh, tajuk kerja, peralatan digunakan dan lain lain. Kesemua ruangan ini harus di penuhi.
- e) Tuliskan setiap kerja yang dilakukan dengan terperinci dan jelas.
- f) Pastikan tampal gambar sebagai bukti pekerjaan yang dilaksanakan (yang berkaitan).
- g) Laporan hendaklah ditulis mengikut tempoh kerja/ projek.

- h) Dapatkan tandatangan dan cop pengesahan majikan bagi setiap hari terakhir bekerja bagi minggu berkenaan.
- i) Buku laporan harian Latihan industri ini tidak boleh dihilangkan, dirosakkan atau diconteng sebarangan.
- j) **JIKA HILANG, MAKLUMKAN KEPADA PEGAWAI LATIHAN INDUSTRI DENGAN SEGERA!!!**



Rajah 1: Contoh penulisan Buku Log

8. Penulisan Laporan Akhir LI



Rajah 2: Contoh penulisan buku laporan akhir

Buku Laporan Akhir Latihan Industri digunakan sebagai dokumen rasmi untuk merekod, menghuraikan dan menilai pengalaman serta tugas yang telah dilaksanakan oleh pelajar sepanjang menjalani latihan industri.

Laporan ini membantu pensyarah menilai tahap kefahaman, kemahiran, disiplin dan pencapaian pelajar di tempat latihan. Selain itu, laporan ini juga menjadi bukti bahawa pelajar telah melaksanakan latihan industri mengikut tempoh, bidang tugas dan keperluan kursus yang ditetapkan.

Buku laporan ini ditulis secara bulanan mengikut bulan tertentu dan perlu ditandatangani dan dicop oleh majikan. Laporan ini mestilah ditulis dengan teliti, kemas, jelas dan mudah dibaca oleh pesyarah penilai.

9. Bekerja Dari Rumah (Work From Home)




Pelaksanaan Work From Home (WFH) semasa Latihan Industri (LI) adalah dibenarkan sekiranya ia merupakan sebahagian daripada kaedah kerja yang diamalkan oleh organisasi atau syarikat. Pendekatan ini selaras dengan perkembangan teknologi digital dan transformasi industri yang membolehkan tugas dilaksanakan secara dalam talian tanpa menjejaskan hasil pembelajaran pelajar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan WFH hendaklah mendapat persetujuan pihak majikan dan mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan oleh kolej.

Sekiranya pelajar diarahkan untuk menjalani WFH, majikan hendaklah mengeluarkan surat rasmi kepada pihak Kolej Komuniti Kulim yang menyatakan sebab atau justifikasi pelajar perlu bekerja dari rumah. Surat tersebut bertujuan sebagai dokumen pengesahan bahawa pelajar masih menjalani Latihan Industri secara rasmi di bawah penyeliaan organisasi. Pelajar tidak dibenarkan menjalani WFH tanpa surat pengesahan daripada majikan.

Sepanjang tempoh WFH, pelajar masih tertakluk kepada semua peraturan Latihan Industri seperti waktu bekerja, disiplin, etika profesional, kerahsiaan maklumat organisasi dan pematuhan kepada arahan penyelia industri. Pelajar hendaklah sentiasa berhubung dengan penyelia industri dan pensyarah penyelia bagi memastikan tugas yang diberikan dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Sebagai bukti pelaksanaan latihan, pelajar juga perlu mengemukakan bukti hasil kerja atau aktiviti WFH kepada Pegawai Penyelia Industri Akademik (PPIA) secara mingguan. Bukti tersebut boleh berupa gambar aktiviti, rakaman video, tangkapan skrin mesyuarat dalam talian, laporan tugas, dokumen kerja atau hasil projek yang telah disiapkan. Penyerahan bukti ini penting bagi membolehkan pihak kolej memantau kehadiran, perkembangan serta pencapaian pelajar sepanjang menjalani Latihan Industri secara Work From Home.

Dengan mematuhi prosedur dan syarat yang ditetapkan, pelaksanaan WFH dapat memastikan proses pembelajaran, pemantauan dan penilaian Latihan Industri berjalan dengan lancar serta mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.



10. Kesalahan Pelanggaran Prosedur LI

BIL.	KESALAHAN PELANGGARAN PROSEDUR LI	TINDAKAN
1	Tidak melapor diri di industri dalam tempoh DUA (2) minggu dari tarikh LI.	*Tidak memenuhi syarat Lulus LI
2	Menukar tempat LI tanpa kebenaran kolej komuniti dan industri.	GAGAL LI
3	Terdapat unsur peniruan/ plagiat/ penipuan/ pemalsuan pada dokumen LI (Borang Penilaian/ Buku Log LI/ Laporan Akhir).	GAGAL LI
4	Menerima amaran DUA (2) kali dalam kesalahan yang sama atau berlainan.	GAGAL LI
5	Pelanggaran mana-mana peraturan atau disiplin yang ditetapkan oleh industri.	GAGAL LI
6	Diberhentikan oleh industri dengan sebab pelanggaran disiplin dan sebagainya.	GAGAL LI
7	Tidak memenuhi SEMUA kriteria penilaian LI.	GAGAL LI

11. Ketidakhadiran dan Tindakan

BIL.	KETIDAKHADIRAN	TINDAKAN
1	Tidak hadir SATU (1) hari bekerja TANPA kebenaran industri	Amaran
2	Tidak hadir TIGA (3) hari bekerja TANPA kebenaran industri	GAGAL LI
3	Diberhentikan oleh industri dengan sebab ketidakhadiran	GAGAL LI
4	Jumlah keseluruhan ketidakhadiran melebihi 20% daripada tempoh LI dengan bersebab termasuk cuti sakit dan cuti kecemasan	*Tidak memenuhi syarat Lulus LI


6.0 PELAKSANAAN SELEPAS MENJALANI LATIHAN INDUSTRI.

Setelah tamat tempoh Latihan Industri (LI), pelajar dikehendaki menyediakan dan menyerahkan semua dokumen berkaitan sebagai bukti penyempurnaan latihan kepada Pegawai Perhubungan Industri & Alumni (PPIA). Dokumen yang perlu diserahkan adalah seperti berikut:

- a) **Surat Pengesahan Tamat Latihan Industri:** Surat ini perlu disediakan oleh pihak majikan sebagai pengesahan rasmi bahawa pelajar telah selesai menjalani Latihan Industri dalam tempoh yang ditetapkan. Surat tersebut hendaklah ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab serta disahkan dengan cop rasmi organisasi.
- b) **Buku Log Latihan Industri:** Buku log perlu dilengkapi sepanjang tempoh latihan bagi merekodkan aktiviti, tugas, pengalaman kerja serta kemahiran yang diperoleh oleh pelajar. Catatan hendaklah dibuat secara berkala dan disahkan oleh penyelia industri sebagai bukti penglibatan pelajar dalam aktiviti berkaitan.
- c) **Laporan Akhir Latihan Industri:** Laporan ini merupakan dokumentasi lengkap yang menerangkan latar belakang organisasi, skop tugas, aktiviti yang dilaksanakan, kemahiran yang dipelajari, pengalaman sepanjang latihan serta refleksi pelajar terhadap pelaksanaan Latihan Industri.

Semua dokumen tersebut hendaklah diserahkan kepada PPIA mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh pihak kolej, kebiasaannya dalam tempoh satu (1) hingga dua (2) minggu selepas tamat Latihan Industri. Penyerahan dokumen yang lengkap dan mengikut tempoh yang ditetapkan penting bagi memastikan proses semakan, penilaian dan rekod akademik pelajar dapat dilaksanakan dengan lancar.

7.0 PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI



1. Penilaian Industri (60%)

Penilaian ini dilaksanakan oleh penyelia industri di organisasi tempat pelajar menjalani latihan industri. Ia merangkumi:

Bahagian A: Penilaian Prestasi (50%)

Menilai prestasi keseluruhan pelajar sepanjang tempoh latihan industri. Aspek yang dinilai termasuk disiplin, kehadiran, sikap, kemahiran teknikal, komunikasi, kerjasama, tanggungjawab, inisiatif dan kualiti kerja.

Bahagian B: Buku Log Latihan Industri (10%)

Menilai penyediaan dan penyelenggaraan buku log oleh pelajar. Buku log perlu mengandungi rekod aktiviti harian atau mingguan yang lengkap, teratur dan disahkan oleh penyelia industri.

2. Penilaian Kolej Komuniti (40%)

Penilaian ini dijalankan oleh pensyarah penyelia daripada Kolej Komuniti yang bertanggungjawab memantau pelajar sepanjang latihan industri.

Bahagian C: Temu Bual (20%)

Pelajar akan ditemu bual oleh pensyarah bagi menilai tahap kefahaman terhadap tugas yang dilaksanakan, pengalaman yang diperoleh, kemahiran komunikasi serta kebolehan menghubungkan teori dengan amalan di industri.

Bahagian D: Buku Laporan Akhir (20%)

Menilai laporan akhir latihan industri yang disediakan oleh pelajar. Penilaian meliputi kandungan laporan, format penulisan, analisis pengalaman latihan, refleksi pembelajaran, penggunaan bahasa serta pematuhan kepada garis panduan penyediaan laporan.



8.0 PEMANTAUAN LATIHAN INDUSTRI



Pemantauan Latihan Industri merupakan proses pemantauan dan bimbingan yang dijalankan oleh pensyarah penyelia bagi memastikan pelajar menjalani latihan industri dengan teratur, selamat serta mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Tempoh latihan industri selama **16 minggu** memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di kolej dalam persekitaran kerja sebenar.

Pensyarah penyelia akan melaksanakan pemantauan melalui lawatan ke organisasi atau pertemuan secara dalam talian, panggilan telefon atau komunikasi menggunakan platform digital. Pemantauan ini bertujuan untuk menilai prestasi pelajar, disiplin, kehadiran, kemahiran teknikal, kemahiran insaniah serta tahap pencapaian hasil pembelajaran. Di samping itu, pensyarah turut mendapatkan maklum balas daripada penyelia industri mengenai prestasi dan perkembangan pelajar.

Melalui pemantauan yang sistematik, sebarang isu yang dihadapi oleh pelajar dapat dikenal pasti dan tindakan susulan dapat diambil dengan segera melalui kerjasama antara kolej, pelajar dan pihak industri. Pendekatan ini membantu memastikan latihan industri berjalan lancar serta memberi pengalaman pembelajaran yang berkualiti kepada pelajar.

Secara keseluruhannya, pemantauan latihan industri sepanjang **16 minggu** memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar mencapai kompetensi yang diperlukan, meningkatkan kebolehpasaran graduan serta mengukuhkan hubungan kerjasama antara Kolej Komuniti dan pihak industri.



Kaedah Pemantauan

1. Lawatan ke organisasi latihan industry (Minggu 8-Minggu 12).
2. Pemantauan secara dalam talian (Google Meet, Microsoft Teams atau platform yang bersesuaian).
3. Panggilan telefon atau aplikasi komunikasi seperti WhatsApp.
4. Semakan Buku Log Mingguan.
5. Perbincangan bersama penyelia industri.
6. Semakan laporan akhir latihan industri.



Hasil Pemantauan

1. Memastikan pelajar mematuhi syarat latihan industri.
2. Menilai prestasi, disiplin, kehadiran dan kemahiran pelajar.
3. Mengenal pasti isu atau masalah sepanjang latihan industri.
4. Memberi bimbingan dan tindakan penambahbaikan.
5. Memastikan hasil pembelajaran kursus latihan industri tercapai.
6. Mengukuhkan kerjasama antara Kolej Komuniti dan industri bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.



Persediaan pemantauan kepada pelajar

1. Pelajar perlu peka akan pemantauan latihan industri. Mereka perlu menghubungi pensyarah pemantau jika pensyarah berkenaan belum lagi membuat pemantauan. Pastikan masa pemantauan tidak melebihi masa yang ditetapkan.
2. Majikan perlu tahu akan kehadiran pensyarah pemantau ke tempat Li supaya pelajar dan majikan itu sendiri boleh membuat persiapan awal.
3. Sehubungan itu, sila pastikan pelajar:
 - ✓ Mengemas kini **Buku Log Latihan Industri** setiap minggu.
 - ✓ Memaklumkan kepada **penyelia di tempat latihan** mengenai kehadiran pensyarah penyelia (sekiranya pemantauan dibuat secara lawatan).
 - ✓ Bersedia semasa sesi pemantauan dan dapat menerangkan tugas yang sedang dilaksanakan.
 - ✓ Memastikan telefon sentiasa boleh dihubungi serta memberi maklum balas dengan segera sekiranya dihubungi oleh pensyarah penyelia.
 - ✓ Sekiranya terdapat perubahan lokasi, nombor telefon atau penyelia industri, sila maklumkan kepada pensyarah penyelia dengan segera.



CARTA ALIR RINGKASAN PROSES LATIHAN INDUSTRI



9.0 FAQ LATIHAN INDUSTRI (LI)

1. Bilakah pelajar perlu mula memohon tempat Latihan Industri?

Pelajar disarankan mula memohon tempat LI lebih awal mengikut takwim yang telah ditetapkan oleh pihak kolej bagi mengelakkan kelewatan mendapatkan penempatan.

2. Adakah pelajar dibenarkan memilih tempat LI sendiri?

Ya. Pelajar boleh memilih dan digalakkan memohon tempat LI sendiri, namun penempatan tersebut perlu mendapat pengesahan dan kelulusan daripada Pegawai Perhubungan Industri & Alumni (PPIA).

3. Apakah tindakan jika permohonan LI ditolak oleh syarikat?

Pelajar perlu membuat permohonan baharu kepada syarikat lain dan memaklumkan perkara tersebut kepada PPIA untuk tindakan selanjutnya.

4. Bolehkah pelajar menukar tempat LI selepas melapor diri?

Tidak dibenarkan kecuali atas sebab-sebab tertentu seperti gangguan seksual, syarikat muflis, masalah keselamatan atau arahan pihak kolej. Sebarang pertukaran perlu mendapat kelulusan rasmi pihak kolej. Jika didapati pelajar menukar tempat tanpa pengetahuan PPIA, pelajar berkenaan dianggap GAGAL LI.

5. Apa yang perlu dilakukan jika pelajar sakit semasa menjalani LI?

Pelajar perlu segera memaklumkan kepada pihak majikan dan PPIA serta mengemukakan sijil cuti sakit (MC) sebagai bukti ketidakhadiran

6. Adakah pelajar perlu mengisi Buku Log setiap hari?

Ya. Buku Log perlu dikemaskini setiap hari bagi merekod tugas dan aktiviti yang dijalankan sepanjang tempoh latihan industri. Terangkan secara terperinci setiap tugas yang dilaksanakan.

7. Apakah tindakan jika pelajar gagal melapor diri di tempat LI?

Pelajar yang gagal melapor diri tanpa alasan munasabah boleh dikenakan tindakan termasuk gagal latihan industri mengikut ketetapan kolej.

8. Adakah pelajar dibenarkan mengambil cuti sepanjang menjalani LI?

Pelajar tidak digalakkan mengambil cuti **KECUALI** atas sebab kecemasan, kesihatan atau perkara yang mendapat kelulusan pihak majikan dan kolej.

9. Siapakah yang perlu dihubungi sekiranya berlaku masalah semasa LI?

Pelajar hendaklah segera menghubungi PPIA atau pensyarah pemantau sekiranya menghadapi masalah berkaitan tempat latihan, keselamatan atau kebajikan.

10. Bilakah pelajar perlu menghantar laporan akhir dan Buku Log?

Semua dokumen seperti Buku Log, laporan akhir dan surat tamat latihan industri perlu dihantar mengikut tarikh yang ditetapkan oleh pihak kolej, kebiasaannya dalam tempoh 1 hingga 2 minggu selepas tamat LI.

LAMPIRAN 1

SENARAI NAMA SYARIKAT YANG SESUAI UNTUK PELAJAR SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN (SPP)

Bil	Nama Syarikat	Alamat	Penyelia	No Telefon
1	Vista Computer Hub	No 3A, Bangunan Al-Ikhwān Kelang Lama, 09000 Kulim	Siti Nur Syarafana Binti Sidik	017-6464787
2	Chill T Hearts Trading	No 476, Jalan Kota Kenari 3 Taman Kenari, 09000 Kulim	Thauamalar A/P Ravi	014-9406097
3	NPC Property Management and Development Sdn. Bhd	2518 2nd Floor, Kompleks Tunku Yaakob Darul Aman Highway, 05150 Alor Setar	Ahmad Kamal Arif	04-7302644
4	Palmco Hotel Sdn. Bhd	Hard Rock Hotel, Batu Ferringhi, Jalan Batu Ferringhi, 11100 Batu Ferringhi, Penang	Nina Tan	019-6918501
5	Wealth Seed Alliance Agency	No 98, Jalan Desa Pengkalan Taman Desa Pangkalan Indah 31500 Lahat, Perak	Nazrun Fajuri Bin Azizi	013-4903345
